

Kepada,
Penyunting

2 Ogos 2020

**Manuskrip bertajuk " ALAT PENAHAN ORTODONTIK YANG BOLEH DITANGGALKAN –
ULASAN"**

Penyunting yang dihormati,

Saya dengan ini melampirkan manuskrip di atas untuk penerbitan dalam jurnal terhormat anda, "Jurnal Sains Kesihatan Malaysia". Saya harap anda dapat menemui manuskrip ini dengan teratur.

Sebagai wakil untuk semua penyumbang, saya ingin menyatakan bahawa semua penyumbang bersetuju untuk penyerahan manuskrip kami kepada jurnal "Jurnal Sains Kesihatan Malaysia". Selain itu, manuskrip ini adalah karya asli daripada semua penyumbang dan tidak pernah diserahkan kepada mana-mana jurnal lain sebelum ini. Kami juga menyatakan bahawa tiada konflik kepentingan diri yang berkaitan dengan penerbitan ini. Saya akan bertindak sebagai penjamin dan pihak untuk dihubungi bagi jurnal ini mulai sekarang. Kami telah melakukan kerja yang mencukupi dalam bidang ini supaya layak menjadi sebagai pengarang artikel ini.

Kepentingan manuskrip ini adalah untuk mengaji perhubungan antara alat penahan yang boleh ditanggalkan dan pilihan kegemaran alat tersebut di dalam kalangan doktor, tahap kepuasan pesakit, keberkesanan alat, kepatuhan pesakit kepada arahan, dan juga rejim untuk alat penahanan. Walaupun terdapat banyak ulasan mengenai alat penahan yang boleh ditanggalkan, hanya beberapa makalah penting yang telah diterbitkan baru-baru ini. Selanjutnya, garis panduan mengenai rejim pengekalan hasil rawatan ortodontik amat diperlukan. Prof Rohaya Megat Abdul Wahab, salah satu penyumbang; telah melakukan banyak kerja mengenai perkara ini dan beliau adalah pakar dalam bidang ini. Sehingga tahun 2019, beliau telah menerbitkan lebih kurang 161 makalah ilmiah. Artikel beliau telah membandingkan keberkesanan alat penahan dibentuk secara vakum dan alat penahan "Hawley" dalam mempertahankan putaran gigi yang telah diperbetulkan. Artikel tersebut telah diterbitkan dalam Jurnal Pergigian Malaysia dan dilingkupi sebagai salah satu jurnal dalam Pangkalan Data Cochrane dari Ulasan Sistematis yang diterbitkan oleh Littlewood et al. (2016) bertajuk "Retention Procedures for Stabilising Tooth Position after Treatment with Orthodontic Braces".

Dengan ini kami ingin memindahkan, memberikan, atau menyampaikan semua hak milik, hak cipta, dan semua hak yang berkaitan dengannya, secara eksklusif kepada jurnal, sekiranya karya tersebut berjaya diterbitkan oleh jurnal.

Terima kasih.

Dengan Ikhlas,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'A' followed by a horizontal line and a small flourish.

Dr. Asma Ashari,
Jabatan Kesihatan Pergigian Keluarga,
Fakulti Pergigian,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
50300 Kuala Lumpur,
Malaysia.